

# ULASAN TESIS: PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀZIM AL-QUBRUŞĪ MENURUT AHLI SUNAH WALJAMAAH (KAJIAN KRITIKAL TERHADAP DAKWAAN SALAH DALAM ISU-ISU TASAUF)

Disediakan oleh:

Dr. Muhammad Ayman Al-Akiti (RKUD IIUM)

Dr. Ahmad Arif Bin Zulkefli (ACIS-UITM)


Abdullah Zawawi Bin Mohd Zawawi (RKUD IIUM)

Zainul Abidin Bin Abdul Halim (RKUD IIUM)

Bicara Dakwah Kali ke-22

Dakwah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Pembangunan  
Insan dan Pembentukan Ummah Sejahtera

1 September 2021



**JHEAINS**  
JERAMBA HAJI DAN MELAKSI BERKUALITI TERSEKUTU



# Pendahuluan

**Mengenai Tesis:**

Suatu kajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) yang lulus diuji pada tahun 2020.

Mengkaji beberapa sisi pandangan akidah dan tasauf Shaykh Nāzīm al-Qubrūṣī yang disimpulkan oleh penulis tesis sebagai menyeleweng dari Ahli Sunnah Wal Jamaah.

**Objektif kajian:**

Menganalisis beberapa dakwaan bercanggah dengan ASWJ yang dimuatkan dalam tesis berkait isu-isu tasauf dan meneliti interpretasi penulis tesis terhadap teks-teks Shaykh Nāzīm berkait isu-isu tersebut lalu mengkritiknya.

**Isu-isu yang dibahaskan:**

Dakwaan sanad terputus, Nūr Muḥammad SAW, wali memakai sifat-sifat Allah, stesen kuasa wali, wali memiliki aroma khas, wali mengetahui ilmu-ilmu rahsia di dalam al-Quran, pandangan wali membakar kejahatan.

**Hasil kajian:**

Dakwaan penulis tesis adalah tidak benar dan tersasar daripada apa yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāzīm.

Berpunca daripada beberapa faktor antaranya mengabaikan konteks dan bersikap literal ketika memahami teks, penafsiran teks yang tidak tepat, tidak meraikan khilāf ulama dan sebagainya, salah faham bahasa dan membuat andaian sendiri.

**Mengenai tarekat Shaykh Nazim:**

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Darul Khusus pada tahun 2018M telah memperakui kebenaran untuk beramal dengan tarekat ini (Muzakarah JKFN9, Bil. 1/2018).

Tidak ada sebarang temuduga yang dilakukan oleh pengkaji dengan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan bagi memastikan kesahihan tarekat.



# Kandungan Artikel

- Penjelasan Pandangan Tasauf Shaykh Nāẓim Dan Ulasan Ke Atas Kefahaman Pengkaji:
  - 1. Dakwaan terhadap sanad tarekat yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim:**
    - Sanad Tarekat Terputus
    - Dakwaan Nabi Khiḍir Tiada Dalam Sanad Tarekat-Tarekat Naqshabandī Melainkan Naqshabandī Ḥaqqānī
  - 2. Dakwaan terhadap pemikiran Shaykh Nāẓim berhubung kenabian:**
    - Isu Nūr Muḥammad
  - 3. Dakwaan terhadap pemikiran Shaykh Nāẓim berhubung kewalian:**
    - Para wali mengetahui kod rahsia al-Quran.
    - Wali adalah stesen kuasa.
    - Shaykh Nāẓim mempunyai kuasa rahsia.
    - Pandangan wali membakar kejahatan.
    - Wali mempunyai aroma khas.
    - Wali dan mereka yang mencapai status Rabbānī bersifat dengan sifat Tuhan.



# Kesimpulan Pengkaji terhadap Pandangan dan Status Kesufian Shaykh Nāẓim (281)

Setelah membuat perbandingan-perbandingan dengan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljama'ah, maka penulis membuat kesimpulan bahawa pemikiran akidah Shaykh Nāzim sangat bertentangan dengan apa yang dibawa oleh jumbuh ulama. Pemikiran akidah yang dibawa oleh beliau bercampur aduk dengan beberapa mazhab akidah seperti yang telah penulis sebutkan. Menurut hemat penulis juga, beliau boleh digolongkan di kalangan *mutaşawwifah* yang mendakwa kesufian, namun hakikatnya jauh daripada kesufian berteraskan manhaj Ahli Sunnah Waljama'ah yang benar.

Penjelasan Pandangan Tasauf Shaykh Nāzim  
Dan Ulasan Ke Atas Kefahaman Pengkaji:  
Dakwaan Berkait **Sanad Tarekat** Yang Dibawa  
Oleh Shaykh Nāzim



# 1. Dakwaan Sanad Tarekat Terputus.

- Asas Dakwaan: Kenyataan daripada dua pihak yang dianggap pengkaji sebagai berkeahlian dalam bidang tarekat (283):
  1. Mufti Dagestan yang bernama Sayyid Aḥmad bin Sulaymān Darwish Hajiyū
    - Kenyataan 1: Shaykh ‘Abd Allāh Fā’iz al-Dāgestānī (w. 1973M) bukan seorang Shaykh tarekat yang benar
    - Kenyataan 2: Silsilah Naqshabandī dari aliran tarekat Shaykh Nāzim palsu dan tidak boleh dipercayai (11)
    - Kenyataan 3: Silsilah tarekat aliran Shaykh Nazim terputus rantaian sanadnya kepada Naqshabandī yang asli (14)
  2. Kumpulan al-Aḥbāsh
    - Tidak ditemui sebarang kenyataan (hujah) pengkaji berkenaan bantahan yang datang daripada kumpulan ini dalam isu terputusnya sanad tarekat Shaykh Nāzim.
    - Hanya dinyatakan senarai beberapa ahli kumpulan al-Aḥbāsh yang mengkritik Shaykh Nāzim dan bukan tarekatnya. (11).

# Analisis Terhadap Surat Mufti Dagestani

- Surat mufti Dagestan ini dinyatakan oleh pengkaji tanpa disokong dengan sebarang penjelasan dan hujah.
- Shaykh 'Abd Allāh Fā'iz tidak dibesarkan di Daghestan. Semenjak kecil beliau sudah keluar dari Daghestan dan menetap di Turki sebelum berpindah pula setelah itu ke Damaskus. (Kabbani 1995, 351).
- Guru kepada Shaykh 'Abd Allāh Fā'iz; Shaykh Sharaf al-Dīn al-Dāgestānī (w. 1355H/1936M) yang turut disesatkan oleh mufti Daghestan ini adalah ulama yang dihormati oleh semisal Sultan 'Abd al-Ḥamīd II dan Said Nursi.
- Pertemuan dan *ṣuḥbah* suluk bimbingan guru yang diperoleh Shaykh Sharaf al-Dīn juga jelas tidak dapat ditolak. Beliau mengambil tarekat dari Shaykh Abū Muḥammad al-Madanī (w. 1331H/1913M) yang mengambil dari Shaykh Abū Aḥmad al-Saghūrī (w. 1299H/1882M), yang mengambil dari Shaykh Jamāl al-Dīn al-Ghumūqī al-Ḥusaynī (w. 1285H/1869M), yang mengambil dari Shaykh Muḥammad Affandī al-Yarāghī (w. 1265H/1848M) (Kabbani 1995, 309-345).



# Analisis terhadap Kritikan Pihak Ahbash

\* ومما يجب التحذير منه كتاب عبد الله الداغستاني المسمى «بالوصية»، وهذا الرجل داغستاني الأصل والمنشأ ذكر لي الشيخ محمد زاهد النقشبندي أنه ليس سنياً وأنه خرج من بلاده وادعى أنه سني نقشبندي الطريقة وهو مقطوع ليس موصولاً.

- Kritikan pihak al-Ahbash ini tidak dinyatakan oleh pengkaji. Pengkaji tidak menyatakan asas kritikan dan alasannya.
- Pendiri gerakan al-Aḥbāsh, Shaykh 'Abd Allāh al-Hararī (w. 2008M) ada menyebutkan kenyataan seorang tokoh yang bernama Shaykh Muḥammad Zāhid al-Naqshabandī bahawa Shaykh 'Abd Allāh Fā'iz al-Dāgestānī bukan seorang Sunni. Beliau keluar dari negaranya dan mendakwa dirinya Sunni, bertarekat Naqshabandī walhal terputus sanadnya (al-Hararī 2009, 51).
- Dakwaan ini telah dijawab oleh Shaykh Muḥammad Mu'tazz al-Subaynī (sejarawan Syam) sebagai suatu yang direka-reka dan palsu. Shaykh Muḥammad Zāhid yang disebutkan itu individu yang diragukan kewujudannya dan tidak dikenali sama sekali. (Markaz 2011, 13)



# Analisis terhadap Kritikan Pihak Ahbash (Sambungan)

- Kaedah (al-Dhahabī 1982, 5/275):  
كلام الأقران يطوى ولا يروى
- Pendapat ulama terhadap mereka yang sezaman dengannya ditutupi dan tidak diriwayatkan
- Sanad silsilah Tarekat Shaykh Nāzīm sabit dan sah secara ilmu tarekat dan juga fakta sejarah.
- Beberapa badan rasmi tarekat seperti Jam'iyah Ahl al-Ṭarīqah al-Mu'tabarah al-Nahḍiyyah (JATMAN) mengiktiraf Tarekat Shaykh Nāzīm sebagai muktabar (<https://youtu.be/6Z0qRXzNvbl>).
- Jilsah Al-Turuq Al-Sufiyyah Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan meluluskan pendaftarannya pada tahun 2018.
- Dr. 'Abd al-Raḥīm al-Khaznawī dan Dr. 'Abd al-'Azīz al-Kubayṭī di dalam tesis PhD mereka mengiktiraf sanad tarekat ini (al-Khaznawī 2015, 295, 329; al-Kubayṭī 2013, 129).

## 2. Dakwaan Nabi Khiḍir Tiada Dalam Sanad Tarekat-Tarekat Naqshabandī Melainkan Naqshabandī Ḥaqqānī

- Pengkaji membangkitkan isu penamaan Nabi Khiḍir di dalam sanad tarekat Shaykh Nāẓim (50).
- Asas dakwaan: Pandangan Lutfi Makhasin dalam tesis PhDnya
  - Terdapat ulama tarekat yang mempertikaikan silsilah tarekat Shaykh Nāẓim kerana kewujudan Nabi Khiḍir a.s sebagai salah seorang murshid tarekat di dalam sanad.
  - Perkara ini tidak didapati dalam silsilah tarekat Naqshabandī yang lain melainkan hanya pada Naqshabandī Ḥaqqānī sahaja (Makhasin 2016, 143).

# Analisis Dakwaan

- Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas ada menyebut mengenai satu jalur sanad sebuah tarekat Naqshabandī yang beliau temui yang meletakkan Nabi Khiḍir a.s. sebagai salah seorang guru dalam silsilah tarekat (al-Attas 2020, 42).
- Sumber-sumber rujukan utama tarekat Naqshabandī seperti Rashaḥāt ‘Ayn al-Ḥayāt (al-Kāshifī 2008, 54) dan al-Mawāhib al-Sarmadiyyah (al-Kurdī 1911, 77) sememangnya menyatakan bahawa Nabi Khiḍir a.s. merupakan salah seorang guru spiritual yang terlibat dalam mengajarkan tarekat Naqshabandī kepada Shaykh ‘Abd al-Khāliq al-Ghujduwānī (w. 575H/1179M), salah seorang tokoh utama dalam silsilah tarekat Naqshabandī.
- Di dalam Rashaḥāt ‘Ayn al-Ḥayāt menyebutkan bahawa Shaykh ‘Abd al-Khāliq telah mengambil ilmu dan talqīn zikir daripada Nabi Khiḍir a.s. dan bersuḥbah dengan Shaykh Yūsuf al-Hamadānī (w. 535H/1140M) seperti berikut (al-Kāshifī 2008, 54):

ولذا قيل: إن الخضر عليه السلام شيخه في التعليم والتلقين والخواجة يوسف شيخه في الصحبة

“Kerana itu dikatakan: Sesungguhnya Nabi Khiḍir a.s adalah guru beliau (iaitu Shaykh ‘Abd al-Khāliq al-Ghujduwānī) di dalam ta’līm dan talqīn manakala Khawaja Yūsuf (iaitu Shaykh Yūsuf al-Hamadānī) pula adalah gurunya di dalam suḥbah.”



Penjelasan Pandangan Tasauf Shaykh Nāzim  
Dan Ulasan Ke Atas Kefahaman Pengkaji:  
Dakwaan Berkait Pandangan Shaykh Nāzim  
Berhubung Isu **Nur Muhammad**

- Isu utama yang dibangkitkan oleh pengkaji berhubung perbahasan ini adalah isu Nūr Muḥammad yang banyak dibincangkan oleh ulama-ulama tasawuf.

## Dapatan Pengkaji:

“berhubung dengan kenabian, Shaykh Nāzīm ada menerapkan elemen Nūr Muḥammad dalam bab kenabian dengan perbahasan yang melampaui batas sehingga mengharuskan Nabi s.a.w. bersifat dengan sifat ketuhanan” (286). Sedangkan di (255) beliau berkata:

Shaykh Nāzīm menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan cahaya yang berpindah dari satu nabi ke nabi yang lain sehingga Idris a.s dan Ismail a.s malah Iblis dilaknati kerana tidak sujud kepada Adam a.s dan cahaya Muhammad ini (al-Qubrūsī 2001). Kenyataan seperti ini mungkin dibina berdasarkan *Hadith Jābir* mengenai *Nūr Muḥammad* yang telah penulis jelaskan sebelum ini bahawa *Hadith Jābir* itu, kandungannya banyak bercanggah dengan usul akidah. Bahkan al-Ghumārī menghukumkannya sebagai *Maudū'* dengan perincian yang telah dijelaskan oleh beliau dalam karyanya *Murshid al-Hā'ir* serta al-Hararī dalam karyanya *Risālah fī Buṭlān Da'wā Awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadi*.

# Analisis Isu

- **Hadis Jābir** – Sebahagian ulama mengakui sanadnya palsu akan tetapi menerima kesahihan maknanya kerana disokong oleh hadis-hadis sahih yang membawa makna yang sama. ('Alī Jumu'ah 2009, 156).
- **Shaykh 'Abd Allāh Ṣiddīq al-Ghumārī** meskipun menganggap hadis ini palsu, beliau tidak menolak konsep Nūr Muḥammad secara mutlak:
  1. Shaykh 'Abd Allāh Ṣiddīq al-Ghumārī sendiri mengakui bahawa Nabi Muḥammad SAW sebagai nabi pertama yang mendahului kenabian Nabi Adam (al-Ghumārī 2016, 9/197):

وحاصل المعنى: أن الله تعالى أفاض على روح نبيه الشريفة أو حقيقته المحمدية وصف النبوة في وقت كان آدم لا يزال طريحا على الأرض قبل نفخ الروح فيه، وإفاضة النبوة في هذا الوقت تستلزم تقدم خلقه على غيره كما هو ظاهر.

“Dan hasil maknanya (kesimpulannya) adalah bahawasanya Allāh SWT telah melimpahkan ke atas Ruh mulia Nabi-Nya atau Hakikat Muḥammadiyahnya sifat kenabian sewaktu Nabi Adam masih lagi terbiar asing di atas tanah, sebelum ditiupkan ruh kepadanya. Perlimpahan sifat kenabian ketika waktu ini memerlukan untuk penciptaan ruh Nabi itu mendahului makhluk selainnya sebagaimana yang terzhahir jelas”.

2. Shaykh 'Abd Allāh Ṣiddīq al-Ghumārī sendiri menerima konsep Nur Muhammad. Namun, beliau cenderung menggantikannya dengan istilah Haqīqah Muḥammadiyah atau Rūḥ Muḥammadī yang menurut beliau ketiga-tiganya membawa makna yang sama (al-Ghumārī 2016, 9/197):

وهذا ما يقصده أصحاب السير والموالد بقولهم: "خلق نوره قبل الأشياء" لأن روحه الشريف كان موجودا متصفا بالنبوة قبل نفخ الروح في آدم كما تبين، والروح جسم نوراني لطيف، كما حققه ابن القيم وغيره، وكذا إذا قلنا إن المراد حقيقته، فإنها أمر نوراني تقصر عقولنا عن معرفته، إذ الحقائق تقصر العقول عن معرفتها، كما قاله التقي السبكي في رسالة التعظيم والمنة

Dan inilah (iaitu Rūḥ Muḥammad dan Haqīqah Muḥammadiyah) apa yang dimaksudkan oleh para ulama sirah dan para ulama mawalid pada pernyataan mereka: "Diciptakan Nur baginda sebelum segala sesuatu" kerana **Ruh mulia baginda telah wujud dan telah disifatkan dengan kenabian sebelum ditiupkan ruh kepada Nabi Adam** sebagaimana yang telah jelas. Dan ruh adalah suatu jisim dari jenis cahaya yang sangat halus seperti mana yang telah dipastikan oleh Ibn al-Qayyim dan ulama selainnya. Begitu juga apabila kita mengatakan bahawasanya makna yang dikehendaki adalah Hakikat baginda, **maka hakikat itu adalah suatu perkara yang berbangsa cahaya**, akal-akal kita lemah untuk mengetahuinya kerana hakikat-hakikat itu adalah suatu yang terbatas akal-akal untuk mengetahuinya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Taḳī al-Subkī di dalam Risālat al-Ta'zīm wa al-Minnah.

- **Kenyataan Shaykh Nāzim bahawa Nūr Muḥammad sebagai sebab Iblis dilaknati kerana tidak sujud kepada Nabi Adam dan Nur ini yang berada pada Nabi Adam:**

- Ia merupakan pandangan yang turut dinyatakan oleh para ulama tafsir seperti Imam al-Rāzī dan Shaykh Ismā'īl Haqqī.
- Ketika menafsirkan ayat berkaitan sujud para malaikat kepada Nabi Adam, Imam al-Rāzī menjelaskan bahawa sujud tersebut tidak bermakna Nabi Adam itu lebih agung daripada baginda Nabi SAW. Beliau mendatangkan beberapa hujah yang menguatkan kenyataannya. Beliau berkata (al-Rāzī 1995, 216):

والرابع أن الملائكة أمرُوا بالسجود لآدم لأجل أن نور محمد عليه السلام في جبهة آدم.

Dan keempat: Bahawasanya para malaikat itu diperintahkan agar bersujud kepada Nabi Adam kerana bahawasanya **Nur Nabi Muḥammad a.s berada pada bahagian dahi Nabi Adam.**

- Begitu juga Shaykh Ismā'īl Haqqī ketika menafsirkan ayat 30 daripada surah al-Ḥijr telah memberi komentar berikut (Ismā'īl Haqqī , 4/488):

يقول الفقير: هذا في الحقيقة تعظيم للنور المنطبع في مرآة آدم عليه السلام وهو النور المحمدي والحقيقة الأحمدية

Al-Faqir berkata: Ini secara hakikatnya adalah suatu **pengagungan kepada nur yang terpapar pada cerminan Nabi Adam dan ia adalah Nūr Muḥammad** dan Hakikat Ahmadiyyah.

- **Dakwaan “mengatakan Nabi Muḥammad sebagai cahaya akan memudaratkan keyakinan orang yang mempercayainya”:**
  - Bercanggahan dengan apa yang Allāh sendiri sifatkan kepada baginda sebagai Nur dan Sirāj Munīrā (al-Mā’idah: 15, al-Aḥzāb: 46).
  - Shaykh Ali Jumaah ketika memberi komentar tentang ayat ini menyatakan (‘Alī Jumu’ah 2009, 153-154):

فهو صلى الله عليه وسلم نور ومنير، ولا شيء في أن تقول إن سيدنا محمدا صلى الله عليه وسلم كان نورا طالما أن الله عز وجل قد وصفه بذلك وسماه نورا ... ولا ينبغي أن ننفي أن ذلك النور كان حسيا، فليس هناك ما يتعارض مع كونه كان منيرا، وأنه صلى الله عليه وسلم له نور حسي مع أصل العقيدة

*“Maka baginda Nabi SAW adalah cahaya dan sinaran. Tidak mengapa untuk engkau mengatakan bahawa Saidina Muhammad SAW adalah suatu cahaya selagi mana Allah SWT sendiri telah menyifatkan baginda dengan perkara itu dan menamakan baginda sebagai cahaya ... Dan tidak boleh untuk kita menafikan bahawa cahaya tersebut dapat dilihat dengan pancaindera kerana tidak ada di sana apa-apa yang bercanggah dengan usul akidah daripada kenyataan bahawa baginda adalah cahaya yang menerangi dan bahawa baginda mempunyai cahaya yang zahir dapat dilihat dengan pancaindera”*

## Kesimpulan:

- Isu Nūr Muḥammad merupakan isu khilaf yang telah diperdebatkan oleh para ulama sejak dahulu lagi. Maka, ia tidak sepatutnya dijadikan salah satu sebab untuk menyesatkan Shaykh Nāzīm dan menyifatkannya sebagai 'mutaṣawwifah'.
- Shaykh 'Abd Allāh Ṣiddīq al-Ghumārī apabila ditanyakan berkenaan isu keawalan Nūr Muḥammad ini, beliau menjawab (al-Ghumārī 2016, 16/511):

أولية النبي صلى الله عليه وسلم فضيلة من الفضائل وليست بعقيدة فلا ينبغي التشديد فيها ولا كثرة الخصومة حولها

**“Awal penciptaan Nabi Muḥammad s.a.w. adalah termasuk daripada perbincangan tentang faḍīlah dari berbagai keutamaan, ia bukanlah akidah. Maka tidak sepatutnya terlalu berkeras isu ini dan tidak perlu kepada banyaknya permusuhan tentangnya”.**

- Hakikatnya, jika dengan memegang pandangan ini menjadikan seseorang itu layak digelar sebagai sufi palsu, maka ramailah para ulama besar muktabar yang berpegang dengan fahaman ini akan disesatkan juga termasuklah Shaykh 'Abd Allāh Ṣiddīq al-Ghumārī.

# Penjelasan Pandangan Tasauf Shaykh Nāzim Dan Ulasan Ke Atas Kefahaman Pengkaji: dakwaan-dakwaan Berkait **Pemikiran Akidah** **Shaykh Nāzim Berhubung Kewalian**

1. Para wali mengetahui kod rahsia al-Quran.
2. Wali adalah stesen kuasa.
3. Shaykh Nāzim mempunyai kuasa rahsia.
4. Pandangan wali membakar kejahatan.
5. Wali mempunyai aroma khas.
6. Wali dan mereka yang mencapai status *Rabbānī* bersifat dengan sifat Tuhan.



- Dalam membahaskan aspek kewalian di sisi Shaykh Nāzīm, pengkaji menganggap kenyataan-kenyataan Shaykh Nāzīm dalam isu ini adalah suatu yang direka-reka bagi menarik pengikut. Menurut pengkaji, Shaykh Nāzīm menggunakan ucapan-ucapan beliau bagi mengambil hati dan menarik perhatian awam kepadanya.

*“Dalam hal berkaitan kewalian, Shaykh Nāzīm suka membicarakan mengenai keistimewaan-keistimewaan gurunya dan dirinya. Hal ini mungkin kerana beliau ingin **menarik pengikut-pengikut baru** dengan cerita-cerita yang indah. Keistimewaan para wali diketengahkan dengan cara yang tidak sepatutnya seperti mendakwa wali tahu kod rahsia al-Quran, wali ini adalah stesen kuasa, wali mempunyai aroma spiritual dan wali harus melihat seluruh tubuh badan seseorang” (286).*

# 1. Isu Para Wali Mengetahui Kod Rahsia al- Quran

Isu Para Wali Mengetahui Kod Rahsia al-Quran

- Pengkaji menyatakan bahawa **“menurut Shaykh Nāẓim, para wali seperti beliau yang berstatus tinggi, apabila mereka berbicara, mereka akan berbicara dengan ilmu rahsia al-Quran. Mereka dikurniakan Allāh SWT mengenai ilmu ini, mereka mengetahui kod-kod rahsia al-Quran”** (136).
- Pengkaji kemudiannya menegaskan bahawa ketinggian martabat wali Allāh SWT adalah suatu perkara yang disepakati oleh umat Islam kerana ia adalah suatu yang jelas dinyatakan di dalam al-Quran.
- Adapun kenyataan Shaykh Nāẓim mengenai kelebihan mengetahui kod-kod rahsia al-Quran, maka pengkaji **mengakui bahawa beliau tidak memahami apakah yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāẓim.**
- Pengkaji membuat andaian bahawa **sekiranya 'mengetahui kod-kod rahsia al-Quran' itu dengan makna wali-wali Allāh SWT itu mengetahui sebahagian takwilan bagi ayat-ayat al-Quran yang mutashābihāt seperti takwilan bagi ayat Istawa, Yad atau Wajh, maka hal itu adalah suatu yang selari dengan firman Allāh SWT pada ayat ketujuh daripada surah Āli ‘Imrān.**
- Pengkaji menambah setelah itu bahawa adapun berkaitan 'kod-kod rahsia al-Quran', maka tidak ada perbahasan ulama mengenainya dan ianya tidak lain tidak bukan hanyalah dakwaan yang tidak mempunyai asas daripada kitab-kitab turath ilmuwan Islam (264).

# Analisis Isu

- Penelitian terhadap teks asal bagi pernyataan Shaykh Nāẓim yang dikemukakan oleh **pengkaji mendapati secara jelas bahawa konteks kenyataan Shaykh Nāẓim ini adalah berkaitan pemahaman sebahagian ayat al-Quran yang tidak dapat difahami melainkan oleh Nabi Muḥammad dan para Awliya' yang dikurniakan ilmu oleh Allāh**. Nukilan penuh kata-kata Shaykh Nāẓim berhubung hal ini adalah seperti berikut:

“This was Secret Knowledge that belonged to the Prophet on whom be peace. Jibrīl a.s., who brought this Revelation gave only five letters, and these five letters gave the meaning of this whole *Sūrah* ... Ordinary people cannot fathom the Secret Code because they cannot understand the value of the Holy Quran. The Holy Quran has Oceans of treasures, Oceans of pearls, Oceans of wisdom, Oceans of Knowledge and Oceans amongst Oceans. However much one may dive into it, an end cannot be reached ... We have also been given the Secret Knowledge about this Secret Code but it is not for ordinary people. It may be for high level Saints and not even for the ordinary Saints. This knowledge is for the big Ulama and not for every ‘Ālim.” (2001, 89-90)

Di dalam petikan ini, Shaykh Nāzīm pada awalnya sedang menyatakan bahawa terdapat sebahagian daripada ayat al-Quran yang tidak dapat difahami oleh golongan awam iaitu **'Secret Knowledge' atau 'Secret Code' iaitu khas utk Nabi Muḥammad** (al-Qubrusi 2001, 88). Contoh ilmu mengenai makna *kāf, hā, yā, a'yn, ṣād* yang terdapat di awal surah Maryam yang hanya diketahui oleh Nabi SAW. (Ḥaqqī t.th., 1/32)

- اللطيف . وقال عبد الرحمن البسطامي قدس سره - مؤلف «الفواتح المسكية في بحر الوقوف»: ثم إن بعض الأنبياء علموا أسرار الحروف بالوحي الرباني والإلقاء الصمداني وبعض الأولياء بالكشف الجلي النوراني والفيض العلي الروحاني وبعض العلماء بالنقل الصحيح والعقل الرجيع وكل منهم قد أخبر أصحابه ببعض أسرارها إما بطريق الكشف والشهود أو بطريق الرسم والحدود والصحيح أن الله تعالى طوى علم أسرار الحروف عن أكثر هذه الأمة لما فيها من الحكم الإلهية والمصالح الربانية ولم يأذن للأكابر أن يعرفوا منه إلا بعض أسرارها التي يشتمل عليها تركيبها الخاص المنتج أنواع التسخيرات والتأثيرات في العوالم العلويات والسفليات إلى غير ذلك انتهى كلام «بحر الوقوف». وفي «التأويلات النجمية» هيئة الصلاة التي

Pengkaji mengakui bahawa beliau tidak memahami apakah yang dimaksudkan oleh **Shaykh Nāzīm**. Tapi dakwa SN sebagai *mutaṣawwifah* kerana hukum tidak dapat diletakkan melainkan setelah kita memahami apa yang dimaksudkan oleh seseorang itu:

الحكم على شيء فرع تصوره

# 2. Isu Wali Sebagai Stesen Kuasa (260)

- Pengkaji menyatakan Shaykh Nāzīm mendakwa bahawa beliau dan gurunya Shaykh Abd Allāh Fā'iz adalah stesen kuasa yang mempunyai kuasa ajaib. Pada pandangan pengkaji, dakwaan berupa kisah ajaib seperti ini merupakan salah satu cara untuk mengumpulkan pengikut.

a. **Dakwaan bahawa Beliau dan Gurunya adalah Stesen Kuasa yang Mempunyai Kuasa Ajaib dan Rahsia**

Memandangkan Shaykh Nāzīm adalah pemimpin bagi sebuah aliran tarekat yang diasaskan beliau, maka tidak mustahil antara cara untuk menghimpunkan pengikut ialah dengan mendatangkan kisah-kisah ajaib yang boleh mempengaruhi orang ramai. Maka tidak hairan beliau akan mengeluarkan kenyataan-kenyataan seperti ini. Pada kenyataan beliau, beliau mendakwa beliau dan guru beliau adalah wali yang merupakan stesen kuasa yang mempunyai kuasa ajaib dan kuasa rahsia yang diperturunkan menerusi jalur Tarekat Naqshābandī dari Nabi SAW (al-Qubrūsī 1980; al-Qubrūsī 2001).

Jelas pada dakwaan ini bahawa beliau ingin mengetengahkan Tarekat Naqshābandī yang dibawa oleh beliau. Dengan dakwaan ini, beliau boleh meyakinkan pengikut-pengikut baharu untuk memilih tarekat yang dipimpin oleh beliau berbanding dengan tarekat-tarekat yang lain. Perlu diketahui di sini bahawa tarekat bukanlah jalan

# Analisis Isu

- Penelitian kepada teks asal tidak mendapati sebarang dakwaan daripada Shaykh Nāzīm yang mengatakan bahawa beliau adalah seorang wali. Sebaliknya, “miraculous power” dan menjadi sumber kekuatan (power station) yang boleh membantu dan membimbing seorang murid untuk sampai kepada Allāh. (al-Qubrūsī 1980, 186-187):

“You are asking for Divine Powers, to approach the Divine Presence. Our Grandshaykh has such powers. Once, he said to me, “O Nazim Effendi! We have such miraculous powers; we are power stations! From ants to elephants, from mankind to angels, from earth to Heavens, Jinn and men, everyone! We are power stations. To any person who is asking for that power to reach his destination, we shall give. We are ready; waiting for those who come, asking to travel to Heaven. We know what he needs, though he himself may not, and according to his desire, according to his capability, we give. He may feel it or not; it doesn't matter! ”

- Perkataan "power station" yang digunakan oleh Shaykh Nāzīm di sini adalah suatu bentuk perumpamaan kepada para ulama mursyid yang berperanan sebagai pewaris Nabi. Maka, mereka ini diumpamakan seperti pusat-pusat kuasa yang menjadi perantara untuk menyampaikan arus cahaya dari sumber asal bagi arus cahaya tersebut iaitu pusat kuasanya yang utama.



- Perumpamaan yang sama turut digunakan oleh salah seorang ilmuwan tasawuf terkenal, Shaykh 'Abd al-Qādir 'Īsā dalam bukunya yang masyhur, Ḥaqa'iq 'an al-Taṣawwuf. Beliau berkata (2007, 81):

وما هؤلاء المرشدون ... إلا كالمراكز الكهربائية التي توضع في الأماكن البعيدة عن المولد الكهربائي فتأخذ النور من مركز التوليد لتعطيه لمن حولها قويا وهاجا؛ فهذه المراكز ليست مصدر النور ولكنها موزعة له وناقلة

“Dan tidaklah para mursyid ini ... melainkan seumpama pusat-pusat kuasa yang diletakkan di tempat-tempat yang jauh daripada punca kuasa utamanya. Maka pusat-pusat kuasa ini mengambil cahaya daripada punca kuasa utama itu untuk disampaikan cahaya yang terang benderang kepada mereka yang berada berdekatan dengannya. Maka, pusat-pusat kuasa ini bukanlah sumber asal bagi cahaya itu tetapi ia adalah perantara yang menyampaikan dan memindahkan.”

# 3. Dakwaan Pengkaji Shaykh Nāzim Mendakwa Dirinya Memiliki Kuasa Rahsia

Dakwaan Pengkaji Shaykh Nāzim Mendakwa Dirinya Memiliki Kuasa Rahsia

- Pengkaji mendakwa Shaykh Nāzim telah mengaku dirinya sebagai **wali yang mempunyai kuasa rahsia**. Kuasa rahsia ini diperturunkan kepada beliau melalui jalur tarekat Naqshabandī dan bersumberkan daripada Nabi SAW.
- Shaykh Nāzim - pada anggapan pengkaji - turut mendakwa bahawa **keinginan seseorang untuk mengambil baiah zikir daripada beliau adalah kerana mereka mengetahui akan kuasa rahsia yang dimiliki ini**. Tambah pengkaji lagi, Shaykh Nāzim juga mendakwa bahawa **sesiapa yang menentang beliau maka samalah dia seperti menentang Nabi SAW**. Maka orang yang menentang beliau seperti ini pasti tidak akan dikurniakan lagi sebarang kuasa selepas itu (135). Berikut merupakan nukilan penuh bagi kenyataan Shaykh Nāzim yang menjadi sumber kenyataan pengkaji (al-Qubrūsī 2001, 8-9):

**“The Power of Zikrullah connects the hearts of *Mu’mins* to each other. *Shaiṭān* does not like this. There are some people listening to *Shaiṭān* and fighting against this. Therefore I am coming down like a hammer on their heads. I am not an easy one. The one who is against me is against the Holy Prophet (Sal) and he who is against the Prophet (Sal) is against Allah Almighty and Allah shall cut them off. There shall be no power for the anymore. The Australian person is coming to do Zikrullah and asking for Bay’ah from me. He knows there is a Secret Power in touching my hand because this Secret Power comes to my hand from the Prophet (Sal) and from all the Grandsheiks of the Naqshabandi Tariqat.”**

# Analisis Isu

- **Dakwaan bahawa Shaykh Nāzīm mengakui dirinya sebagai wali** tidak kita temui dalam petikan ini.
- **Dakwaan bahawa Shaykh Nāzīm mendakwa ‘sesiapa yang menentang beliau maka samalah dia seperti menentang Nabi SAW’** di luar konteks. Shaykh Nāzīm sedang membicarakan mengenai golongan yang mengikuti kemahuan Shaitan dalam menghalang manusia untuk berzikir. Shaykh menyatakan bahawa beliau sendiri akan menentang golongan seperti ini. Mereka yang menentang beliau samalah seperti menentang Nabi kerana Nabilah yang menyampaikan perintah berzikir mengingati Allāh.
- Mengenai **‘kekuatan rahsia’** yang diperoleh oleh mereka yang mengambil bay‘ah daripada seorang mursyid, maka ia sebagaimana yang dinyatakan oleh Shaykh Dr. ‘Abdul Ḥalīm Maḥmūd pada kata-katanya (‘Abdul Ḥalīm Maḥmūd t.t, 338):

ولا بد في التصوف من شرط جوهرى هو "التأثير الروحى" أو بتعبير أدق "البركة" وهي لا تتأتى إلا بواسطة شيخ ومن هنا كانت الطرق ومن هنا كانت السلسلة، وهل السلسلة إلا بركات تنتقل من شيخ إلى مرید يوشك أن يصبح شيخا فيؤثر بدوره في مرید أو مریدين؟

Dan mesti ada di dalam tasawuf itu suatu syarat yang utama iaitu “pengaruh spiritual” atau dengan ungkapan yang lebih tepat: “barakah”. Ia tidak diperoleh melainkan dengan perantaraan seorang guru. Dari sinilah adanya tarekat-tarekat dan dari sinilah adanya silsilah. Dan bukankah silsilah itu tidak lain adalah barakah-barakah yang berpindah daripada seorang guru kepada seorang murid yang hampir untuk menjadi seorang guru lalu dia pula memberi pengaruh kepada seorang murid atau murid yang ramai?

# 4. Isu Pandangan Wali Membakar Kejahatan

- Pengkaji menyatakan bahawa Shaykh Nāzīm mendakwa para wali dikurniakan cahaya Ilahi di dalam mata mereka sehingga boleh membakar kejahatan.
- Kerana itu - sebagaimana yang didakwakan oleh pengkaji - Shaykh Nāzīm mengatakan bahawa **wali boleh melihat kepada 'sesiapa sahaja', lelaki atau perempuan**. Tiada larangan untuk mereka berbuat demikian. Bahkan pandangan mereka kepada lelaki dan perempuan ini menjadi suatu kewajipan kerana memang mereka diperintahkan untuk melakukan demikian (133).
- Dari sini, suatu kesimpulan dan dakwaan yang berat telah dilemparkan oleh pengkaji di mana beliau menyatakan bahawa **Shaykh Nāzīm dalam isu ini “telah menghalalkan perkara yang haram iaitu beliau menghalalkan untuk melihat 'seluruh badan' lelaki dan perempuan”** (281).

Isu Pandangan Wali Membakar Kejahatan

- Berikut merupakan kata-kata Shaykh Nāzīm berkaitan isu ini (**al-Qubrūsī 1980, 19**):
  - For every action, you may find three ways, or positions. These are called wajib, sunnah, and haram. We will illustrate these terms with some examples:
  - The top class of people are the *Awliyā'*, the Saints. They have, in their eyes, a divine light, a divine power, that burns away badness in those people upon whom they look. Because of this divine quality, they may look everywhere, at men or at women. It has been ordered for them to look. There is no prohibition for them. Therefore, their looking is 'wajib'.
  - For the second class of people, their looking is 'sunnah'. When one looks at a beautiful girl in this manner, he sees her as she would appear two years after her death! In this way, he can know what is temporary and what remains. He looks and learns, like a medical student looking at a cadaver.
  - For the third class of people, looking is prohibited – 'haram'. This is because they are always present with their *nafs*. All bad powers come into action with their looking. It is on the same level as a donkey when he sees a mare. What is music in Islam? It is haram, forbidden, to listen to music that is arousing to the ego. How can you tell? If the heart goes to haram, it is haram!

# Analisis Isu

- Dalam teks ini, Shaykh Nāzīm **tidak menyebut sama sekali bahawa beliau menghalalkan untuk melihat 'seluruh badan' bagi lelaki dan perempuan**. Sebaliknya, beliau hanya menyatakan bahawa para wali Allāh boleh 'melihat di mana-mana sahaja' (“They may look everywhere”) yang termasuk daripadanya **adalah lelaki dan perempuan**. Ini bercanggahan dengan apa yang didakwa oleh pengkaji yang dakwa shaykh Nāzīm sebagai menghalalkan sesuatu yang haram.
- Berkenaan persoalan mengenai penglihatan wali yang boleh memberi kesan kepada seseorang, hal ini merupakan perkara yang diakui kebenarannya oleh para ulama sebagai salah satu daripada karamah para wali dan guru mursyid. Antara ulama yang mengulas hal ini adalah Imam Aḥmad Zarrūq dalam karyanya 'Uddat al-Murīd (93), Imam al-Sya'rānī dalam al-Minan al-Kubrā dan beberapa ulama yang lain (Muhammad al-Timismānī 2006, 64).
- Imam al-Sya'rānī juga menyenaraikan beberapa ulama sufi yang turut dikurniakan kemampuan untuk mendidik melalui pandangan mereka. Antara mereka adalah Imam Abū al-Ḥasan al-Syāzilī, Imam Abū al-'Abbās al-Mursī, Imam Ibrāhīm al-Matbūlī dan Imam 'Alī Khawwaṣ. (al-Sya'rānī 2019, 486).



- Di dalam al-Minan al-Kubrā, Imam al-Sya'rānī berkata (2019, 486):

ومما أنعم الله تبارك وتعالى به علي: تربيتي لخوادم أصحابي بالنظر من غير لفظ ولا إشارة، فيؤثر نظري إليهم في الخير... فإن الشيخ إذا عرف العلة ودواءها يجب عليه أن يتبعها بالدواء مصلحة للمريد ولا عليه إن كان ذلك مراعى على النفس أو حلوا لها، ومتى أحر الدواء من غير ضرورة فقد خان الله تعالى فيما أئتمنه عليه

*Dan antara nikmat yang Allah kurniakan kepadaku adalah aku mentarbiah golongan khawas dari kalangan para muridku melalui pandangan tanpa menggunakan sebarang perkataan dan tidak juga menggunakan apa-apa isyarat. Maka pandanganku ini mendatangkan kesan kebaikan kepada mereka... Sesungguhnya seorang guru apabila ia mengetahui tentang suatu penyakit beserta penawarnya, maka wajib ke atasnya untuk menyusulkan penyakit itu dengan penawar demi kebaikan murid. Tidak mengapa sama ada penawar tersebut suatu yang pahit bagi jiwa atau suatu yang manis baginya. Dan tatkala mana guru itu melewat-lewatkan penawar tanpa sebarang keperluan maka dia sesungguhnya telah mengkhianati apa yang telah Allah amanahkan kepadanya*

- Melalui kenyataan ini juga, dapat difahami bahawa pada sebahagian keadaan, seorang guru wajib untuk menyegerakan penawar kepada seorang murid yang mempunyai penyakit spiritual. Maka, seorang guru yang dikurniakan kemampuan untuk mentarbiah melalui pandangan, jika cara tersebut dapat menjadi penawar yang menghilangkan penyakit spiritual yang dihadapi oleh seorang murid, maka wajib ke atas mereka untuk menggunakan cara tersebut.

# 5. Isu Wali Mempunyai Aroma Khas

Isu Wali Mempunyai Aroma Khas

- Menurut pengkaji lagi, Shaykh Nāẓim telah mendakwa bahawa setiap wali memiliki 'aroma spiritual' yang tersendiri. Ia boleh dikesan dan dikenali. Seseorang boleh mengenali wali melalui aroma ini, akan tetapi mengikut kadar peringkat spiritual orang tersebut.
- Pengkaji membuat andaian bahawa Shaykh Nāẓim menunjukan dakwaan ini kepada diri beliau sendiri. Shaykh Nāẓim seolahnya ingin mengatakan bahawa sesiapa yang mengenali dan mendekati beliau, maka mereka telah mendampingi seorang wali.
- Pengkaji akhirnya menyimpulkan bahawa dakwaan wali beraroma spiritual seperti ini adalah suatu dakwaan yang tidak berasas (261-262).

***“For every Saint, there is a **Spiritual Scent**. Each Saint has a special kind of smell just as each flower has a distinct kind of smell ... the whole World is full of bad smells and the people who are now living in it have got accustomed to it. But when one comes into a clean atmosphere which Allāh Almighty shall make for his sincere servant, **he would be able to smell the scent of every Saint**. This is a private atmosphere. To reach this you must try to follow the advice of the Saints and keep to their ways. Then gradually or maybe an opening can come to you so **that you will be able to smell and to see the unseen Worlds.**”***

(al-Qubrūsī 2001, 41)

# Analisis Isu

- Penelitian terhadap teks asal ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa penggunaan 'aroma' di sini adalah berbentuk majaz. Ini sebagaimana yang dapat difahami melalui perkataan 'spiritual' itu sendiri iaitu aroma yang bersifat rohani dan bukanlah bersifat hakiki. Penggunaan 'aroma' seperti mana yang digunakan oleh Shaykh Nāzīm ini juga dapat dilihat sebagai contoh pada kata-kata Imam al-Sya'rānī yang berikut (al-Sya'rānī t.t, 24-25):

لو كان من المقبلين بقلوبهم على حضرة الله تعالى، لشم روائح أهل حضرة ربّه، فتأدّب معهم ومدحهم وأحبهم

***Seandainya dia dikalangan mereka yang menuju kepada Hadrat Allāh SWT dengan hati-hati mereka, nescaya dia akan mencium aroma-aroma ahli Hadrah Tuhannya. Maka, dia akan menjaga adab bersama mereka, memuji mereka dan mencintai mereka***

- Oleh itu, apa yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāzīm daripada lafaz 'aroma khas bagi wali' dalam kenyataannya adalah sifat-sifat spiritual yang khusus bagi wali yang diperlihatkan kepada seorang murid yang berjaya meningkat naik dalam perjalanan suluknya. Dengan sifat-sifat khusus ini dia dapat mengenali para wali Allāh. Ini bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh Imam Ibn 'Aṭā'illāh di dalam kitabnya Laṭā'if al-Minan sebagaimana yang dinukilkan oleh Shaykh Aḥmad Zarrūq seperti berikut (Aḥmad Zarruq 1985, 188):

وإذا أراد الله أن يعرفك وليا من أوليائه، طوى عنك وجود بشريته، وأشهدك وجود خصوصيته

***Dan tatkala Allāh menginginkan untuk mengenalkanmu kepada seorang wali daripada para wali-Nya, maka Allāh akan menutup darimu kewujudan manusiawinya dan memperlihatkanmu kewujudan sifat-sifat khususnya.***

# 6. Isu Wali dan Mereka Yang Mencapai Status *Rabbānī* Bersifat Dengan Sifat Tuhan

- Kenyataan pengkaji bahawa Shaykh Nāzīm menukikan kalam gurunya yang mengatakan bahawa seseorang yang berstatus wali akan bersifat dengan sifat-sifat Allāh yang sempurna.

- Pengkaji mendasarkan kenyataan ini kepada petikan berikut:

**“Our Grandsheikh was speaking about Awliya: "Who are saints? They have attributes of Allāh Almighty”** (al-Qubrūsī 2007).

- Kenyataan pengkaji bahawa Shaykh Nāzīm mendakwa bahawa sifat-sifat Allāh turut dipakaikan oleh Allāh kepada mereka yang telah mencapai status Rabbānī. Ini bersandarkan kepada kata-kata Shaykh Nāzīm seperti berikut:

**“When one reaches the level of Rabbani, God dresses him in His own attributes and makes him deputy”** (al-Qubrūsī 2002b).

- Kesimpulan pengkaji berkaitan isu ini adalah ia merupakan pandangan yang berpandukan kepada akal Shaykh Nāzīm semata-mata (73).

# Analisis Isu

- Bersifat dengan sifat-sifat Allāh ini merupakan suatu yang sabit di sisi para ulama. Antara ulama yang memberi penjelasan berkenaannya antaranya Imam al-Ghazālī, Imam Alūsī di dalam karya tafsirnya Rūh al-Ma'ānī (15/395) dan Shaykh Ismā'īl Ḥaqqī di dalam karya tafsirnya Rūh al-Bayān (4/410).
- Kata-kata Imam al-Ghazālī berkenaan perkara ini (al-Ghazālī 2018, 91-92):

الحظ الثالث: السعي في اكتساب الممكن من تلك الصفات، والتخلق بها، والتحلي بمحاسنها، وبه يصير العبد ربّانياً: قريبا من الرب تعالى

***Habuan ketiga: Berusaha mendapatkan sekaḍar yang mungkin untuk diperolehi daripada sifat-sifat Allāh tersebut, berakhlak dengannya, menghiasi diri dengan kebaikan-kebaikannya dan dengannyalah hamba menjadi seorang yang Rabbānī iaitu hampir dengan Allāh SWT.***

- Imam al-Ghazālī dalam petikan ini sedang menjelaskan mengenai salah satu daripada habuan yang cuba untuk dicapai oleh para wali Allāh daripada nama-nama Allāh. Mereka berusaha untuk mendapatkan sifat-sifat Allāh dengan kadar yang dapat mereka perolehi, berakhlak dengan sifat-sifat ini dan menghiasi diri dengannya. Dengan sebab itu, mereka menjadi Rabbani.
- Daripada kenyataan ini, jelas bahawa dakwaan pengkaji yang menyatakan bahawa kata-kata Shaykh Nāzīm dalam isu ini sebagai suatu yang berpandukan akal Shaykh Nāzīm semata-mata adalah tidak benar. Bahkan ia mempunyai sandaran daripada pandangan para ulama agung Islam seperti mana yang telah ditegaskan.

The background of the slide is a complex pattern of thin, light green contour lines. These lines form irregular, concentric shapes that resemble topographic map lines or a wood grain texture. The lines are more densely packed in some areas and more spread out in others, creating a sense of depth and movement. The overall color palette is a soft, muted green against a plain white background.

# Kesimpulan



### Rumusan #1

Pengkaji menyimpulkan bahawa Shaykh Nāzim tergolong dalam kalangan *mutaşawwifah* iaitu mereka yang mendakwa sebagai sufi namun hakikatnya jauh daripada kesufian yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

### Rumusan #2

Hujah pengkaji berkenaan isu sanad tarekat Shaykh Nāzim yang menukulkan surat dari Mufti Dagestan Sayyid Aḥmad Hajiyū adalah lemah dan tidak berasas. Ia bercanggah dengan fakta sejarah kerana Shaykh ‘Abd Allāh al-Dāgestānī telah berhijrah keluar Dagestan sebelum baligh, bagaimana Sayyid Aḥmad mengenali beliau dan menyesatkan beliau? Kewujudan Nabi Khiḍir a.s. di dalam sanad adalah masyhur dalam kitab-kitab Tarekat Naqshabandī dari berbagai jalur. Pengkaji yang cenderung menukil kenyataan-kenyataan dari sumber sekunder tanpa usul periksa dan tidak merujuk kepada sumber primer yang boleh diperolehi dengan mudah membuatnya terlalu mudah memberi gambaran negatif terhadap Shaykh Nāzim.

### Rumusan #3

Pengkaji tersalah memahami beberapa perkataan yang disifatkan kepada para *Awliyā'* Allāh oleh Shaykh Nāzīm antaranya termasuklah seperti mengetahui kod rahsia al-Quran, memiliki aroma khas dan wali sebagai stesen kuasa. Pengkaji tidak mengetahui bahawa perkataan-perkataan ini justeru mempunyai makna-makna *majāzī* serta sumber dari kitab-kitab *turāth* dan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sikap literal dan tidak meraikan *uslūb majāzī* bahasa asing dari Arab yang terkandung pada perkataan-perkataan ini akhirnya menatijahkan dakwaan bahawa Shaykh Nāzīm mereka-reka ucapannya bagi menarik pengikut.

### Rumusan #4

Pengkaji menjadikan isu *Nūr Muḥammad* yang telah menjadi pegangan beberapa ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang diakui kewibawaannya selama berkurun sebagai salah satu sebab untuk menggolongkan Shaykh Nāzīm sebagai seorang *mutaşawwifāh*. Hal ini tidak sepatutnya dilakukan oleh pengkaji apatah lagi ia merupakan isu *khilāfiyyah* dalam kalangan para ulama sejak sekalian lama. Pengkaji juga tidak cermat apabila mendakwa Shaykh Nāzīm memakai hadis Jābir bagi isu *Nūr Muḥammad*, walhal pengkaji tidak menyatakan sumber bahkan masih berandai-andaian sahaja.

### Rumusan #5

Dalam beberapa isu seperti isu kuasa rahsia dan isu pandangan wali membakar kejahatan, pengkaji dilihat tidak memahami konteks perkataan Shaykh Nāzīm atau memotong teks lengkap sehingga membawa kepada dakwaan yang seakan negatif.

### Rumusan #6

Kesalahan-kesalahan pengkaji di dalam tesis PhDnya seperti sumber sekunder, tiada varifikasi data, tidak memahami istilah *majāzī*, tidak memahami konteks, kurangnya bacaan dan melakukan pernyataan berdasarkan kepada andaian adalah kesalahan yang tidak sepatutnya terjadi di dalam penulisan tesis PhD.